

SIJIL PERAKUAN BOMBA BAGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Garis Panduan Am Permohonan Lesen/Kelulusan/Permit melalui BLESS

- Permohonan lesen/kelulusan/permit melalui BLESS boleh dilakukan oleh pemohon daripada individu, syarikat, perniagaan, koperasi, pertubuhan persendirian, agensi kerajaan, perunding dan institusi.
- Pemohon mestilah terlebih dahulu mendaftar sebagai individu dalam BLESS dan seterusnya mendaftarkan entiti yang diwakilinya sama ada syarikat, perniagaan, koperasi, pertubuhan, agensi kerajaan, perunding atau institusi. Maklumat profil syarikat dan perniagaan dalam BLESS harus diperolehi melalui proses *extraction* daripada sistem e-Info di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus ke dalam BLESS dan pemohon dikenakan bayaran sebanyak RM15.00 oleh SSM.
- Pemohon mesti memilih entiti yang diwakili sebelum meneruskan pemilihan lesen dan seterusnya mengisi borang atas talian bagi lesen tersebut.
- Sebarang pembayaran fi kepada agensi semasa proses permohonan boleh dibuat menggunakan fungsi e-Payment yang terdapat dalam BLESS (khusus bagi agensi yang telah mengaktifkan fungsi ini). Pembayaran juga boleh dibuat secara manual dan maklumat serta bukti pembayaran perlu dimaklumkan kepada agensi berkaitan.
- Bagi permohonan yang melibatkan *upfront payment* (pembayaran dibuat sebelum penghantaran permohonan), pembayaran perlu dibuat terlebih dahulu menggunakan fungsi e-payment (tiada pembayaran secara manual dibenarkan). Penyerahan permohonan tidak akan dibenarkan sehingga pembayaran tersebut dibuat.
- Pemohon dikehendaki untuk memuat naik dokumen-dokumen seperti yang disenaraikan di dalam garis panduan khusus bagi lesen berkaitan bersama borang permohonan yang lengkap bagi penyerahan melalui BLESS.
- Semua dokumen sokongan boleh dimuat naik melalui BLESS dalam semua jenis format dokumen (*Word, Excel, Powerpoint* dan sebagainya) melalui kemudahan muat naik yang disediakan.
- Pemohon juga boleh mengimbas dokumen-dokumen asal dan imej yang berkaitan menggunakan format jpeg atau format-format lain yang relevan untuk dimuat naik ke dalam BLESS.
- Sekiranya pemohon tidak dapat memuat naik dokumen-dokumen tertentu (lukisan-lukisan), sila serahkan dokumen tersebut secara manual (melalui pos atau datang sendiri ke kaunter) mengikut keperluan agensi berkenaan. Untuk sebarang penyerahan manual, pemohon mesti menyatakan nombor rujukan penyerahan BLESS di dalam setiap dokumen.
- Permohonan yang telah lengkap berserta dokumen sokongan boleh dihantar secara atas talian dalam BLESS dan notifikasi akan dihantar kepada pemohon melalui email.

JADUAL PREMIS**DITETAPKAN**

<i>Penggunaan Premis</i>	<i>Saiz</i>	<i>Tempat</i>
1. Perpustakaan	Lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
2. Hospital dan Rumah Rawatan	(i) 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 5 tingkat dan lebih	Keseluruhan Malaysia
3. Hotel	(i) Reka bentuk laluan langkan terbuka (a) 4 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 50 bilik (b) 6 tingkat dan lebih (ii) Reka bentuk lain – 21 bilik dan lebih	Keseluruhan Malaysia
4. Asrama dan Dormitori	(i) 4 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 6 tingkat dan lebih	Keseluruhan Malaysia
5. Pejabat	Ketinggian melebihi 30 meter atau 10,000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
6. Kedai	2001 meter persegi dan lebih (keluasan jumlah lantai)	Keseluruhan Malaysia
7. Kilang	(i) Satu tingkat 2001 meter persegi dan lebih yang terpasang sistem semburan automatik (ii) 2 tingkat di mana setiap lantai dibina sebagai ruang berasingan, pembinaan tunggal atau teras melebihi 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai) (iii) 3 tingkat dan lebih (iv) Kilang Bertingkat Pembangunan Blok Pendekatan Langkan Terbuka 2 tingkat dan lebih di mana setiap ruang melebihi 7000 meter padu	Keseluruhan Malaysia

<p>8. Tempat Perhimpunan</p> <p>9. Storan dan Am</p>	<p>(v) Struktur Khas –</p> <p>(a) Kompleks kilang seperti kompleks kisar minyak sawit, kilang penapis minyak, kerja simen, dll</p> <p>(b) Proses berbahaya</p> <p>(i) Bangunan tanpa sistem penyaman udara pusat 2000 meter persegi dan lebih</p> <p>(ii) Bangunan dengan sistem penyaman udara pusat melebihi 1000 meter persegi atau dengan muatan 1000 orang dan lebih</p> <p>(i) Struktur tempat letak kereta bawah tanah melebihi 1000 meter persegi</p> <p>(ii) Lebih daripada 7000 meter padu</p> <p>(iii) 2 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)</p>	<p>Keseluruhan Malaysia</p> <p>Keseluruhan Malaysia</p>
--	---	---